



DASAR PROGRAM NEGARA

PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA



PENGENALAN

Dasar Program Muda-Remaja Persekutuan Pengakap Malaysia merupakan satu kerangka pernyataan atau dokumen yang menjadi panduan dan digunakan dalam pelaksanaan Program Latihan bagi ahli-ahli Pengakap di Malaysia. Ianya merupakan dokumen yang menyatakan dengan ringkas akan perkembangan dan pembangunan yang perlu dilakukan secara berterusan dalam pelaksanaan Program Muda-Remaja di semua peringkat.

KANDUNGAN PROGRAM MUDA-REMAJA

Menjelaskan “Definisi Program Muda-Remaja” serta keperluan pelaksanaan apa-apa juga aktiviti yang dilakukan dalam Kepengakapan serta bagaimana ianya dapat dilakukan; dan mengapa ianya dilakukan.

KITARAN HAYAT PROGRAM MUDA-REMAJA

Merangkumi proses-proses yang berkaitan dengan pembangunan dan pelaksanaan Program Muda-Remaja; peranan dan tanggungjawab Program Muda-Remaja di semua peringkat Kepengakapan.

PENGLIBATAN & PEMERKASAAN MUDA-REMAJA

Garis panduan PPM untuk mengukuhkan dan memastikan penglibatan muda-remaja/belia di semua peringkat dalam PPM selaras dengan kehendak Pertubuhan Pergerakan Pengakap Sedunia.



**Dasar Program Negara
terdiri daripada 3
bahagian utama iaitu:**

DEFINISI PROGRAM MUDA-REMAJA

Program Muda-Remaja merupakan keseluruhan proses dan peluang pembelajaran:-

- yang memberi faedah kepada orang muda **(What)**,
- yang diwujudkan bagi mencapai tujuan Kepengakapan **(Why)**,
serta
- memperolehi segala pengalaman melalui Kaedah Pengakap **(How)**

Konsep Program Muda-Remaja terdiri daripada semua perihal atau perkara yang berkaitan dengan golongan muda-remaja; merangkumi keseluruhan aspek pengalaman hidup yang diperolehi sepanjang hayat hasil penglibatan orang muda di dalam pergerakan pengakap yang terdiri daripada perkara-perkara berikut:



APA

Merekodkan semua pengalaman dan keadaan (peluang-peluang pembelajaran) yang boleh dipelajari sama ada melalui aktiviti yang terancang atau secara spontan

BAGAIMANA

Menerangkan cara sesuatu aktiviti itu dilaksanakan, iaitu dengan menggunakan Kaedah Pengakap.

MENGAPA

Mengandungi objektif-objektif pendidikan yang selaras dengan tujuan dan prinsip-prinsip pergerakan pengakap di Malaysia

KATEGORI KEAHLIAN PENGAKAP

Pengakap adalah untuk golongan muda yang dibimbing dan dibantu oleh golongan dewasa untuk mencapai matlamat pendidikan didalam kepengakapan. Setiap peringkat umur memerlukan latihan dan pengalaman yang berbeza supaya proses pembelajaran menjadi lebih komprehensif.

Program Muda-Remaja tidak serta bukan sesuatu yang statik tetapi melalui satu kitaran yang sentiasa mengikut perkembangan semasa perkembangan muda-remaja hari ini. Oleh itu, program Muda-Remaja di dalam Pengakap dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan atau unit-unit seperti berikut:-



PENGAKAP UNIT KHAS

Bagi memastikan program Pengakap meliputi semua kategori golongan muda, Pasukan Program Negara turut menubuhkan dan memberi penumpuan terhadap Pengakap Unit Khas yang terdiri daripada kanak-kanak, remaja dan belia yang mempunyai kelainan upaya untuk sama-sama dalam program kepengakapan.



PEMBANGUNAN PROGRAM

Pembangunan Program merupakan satu proses penilaian dan penyesuaian yang berterusan Program Muda-Remaja yang dilaksanakan oleh PPM melalui Pasukan Program Negara dan bertanggungjawab sepenuhnya dalam proses penyelidikan, pembangunan, pengemaskinian serta mengenalpasti keperluan-keperluan dan cita-cita orang muda dan masyarakat yang sentiasa berubah. Proses ini amat penting bagi memastikan bahawa setiap perubahan dapat diadaptasi dan dilaksanakan secara berterusan. Selain itu, ianya akan memastikan bahawa hanya Program Muda-Remaja yang berkualiti dan bermutu dapat dilaksanakan dengan baik.

PERKEMBANGAN PROGRAM



Program Muda-Remaja hendaklah sentiasa dinilai secara berterusan bagi memastikan ianya tidak tertinggal kerana perubahan masa dan keadaan. Kajian semula yang berkala secara keseluruhan perlulah dilaksanakan bagi suatu tempoh masa antara lima (5) tahun hingga sepuluh (10) tahun sekali; bagi memastikan keperluan-keperluan latihan dan pengembangan muda-remaja mengikut trend semasa dan tidak tertinggal dengan perkembangan teknologi dan industri.

Satu Program Muda-Remaja yang terhasil dari proses pembangunan program mesti mencerminkan satu program yang dapat memperlihatkan program muda-remaja yang sentiasa relevan dan terkini sesuai dengan peredaran masa tanpa menghilangkanan semangat kepengakapan.

Penyemakan dan penilaian program muda-remaja hendaklah dilakukan secara sistematik dengan menggunakan kaedah-kaedah penyelidikan yang bersesuaian agar keputusan yang diperolehi menepati kehendak muda-remaja secara keseluruhan serta keperluan dasar pelaksanaan program PPM.

Oleh itu, Persekutuan Pengakap Malaysia hendaklah mengambil kira perkara-perkara berikut dalam usaha membangun serta mengemaskini sebuah Program Muda-Remaja Negara :

1

Program Muda-Remaja hendaklah dibentuk mengikut pembahagian berasaskan peringkat umur yang bersesuaian muda-remaja. Pengisian kandungan program, perlulah bersesuaian dengan keperluan peringkat umur kelompok muda-remaja itu sendiri.

2

Proses semakan semula Program Muda-Remaja yang dilakukan hendaklah dipantau oleh Pasukan Program Negara yang dilantik bagi memastikan keperluan latihan berterusan seseorang muda-remaja itu mengikut tujuan dan objektif PPM.

3

PPM hendaklah juga menyemak dan mengemaskini semula rancangan latihan ahli dewasa agar selaras dengan keperluan Program Muda-Remaja yang berubah-ubah mengikut peredaran masa.

4

PPM hendaklah memberi sokongan sepenuhnya kepada pelaksanaan, pemantauan dan bantuan dalam pelbagai bidang ke arah pembangunan masa depan Program Muda-Remaja.

5

PPM hendaklah memastikan terdapat jumlah ahli dewasa yang mencukupi serta aktif, berkelayakan dan mempunyai pengetahuan serta kemahiran yang bersesuaian dengan perubahan yang berlaku.

PENYAMPAIAN PROGRAM



Usahasama

Program Muda-Remaja PPM dilaksanakan melalui usahasama di antara orang muda dan ahli dewasa dengan mengambil kira minat, keperluan dan kemampuan ahli-ahli serta ahli dewasa.



Bantuan orang dewasa

Program Muda-Remaja yang efektif boleh menarik minat orang muda serta penglibatan pemimpin-pemimpin dewasa, yang menganggap penglibatan mereka adalah relevan dan mendapat sokongan serta komitmen terhadap pelaksanaan program muda -remaja.



Tanggungjawab

Mereka yang bertanggungjawab dengan Program Muda-Remaja dan Latihan Kepimpinan Ahli Dewasa dalam PPM mestilah:-

- Menganalisis peranan seorang Pemimpin
- Mengenalpasti keperluan-keperluan latihan dan perkembangan peribadi mereka
- Merangka dan melaksana satu kerangka sokongan bagi mencapai keperluan-keperluan mereka
- Menilai keberkesanan perkembangan peribadi mereka ke arah keberkesanan pelaksanaan Program Muda-Remaja

PRINSIP PELAKSAAN PROGRAM

Pembangunan Program Muda-Remaja Persekutuan Pengakap Malaysia adalah berdasarkan kepada prinsip-prinsip berikut:

- 1 Berpusatkan kepada penglibatan orang muda.
- 2 Berkisarkan kepada pendidikan tidak formal.
- 3 Melahirkan warga negara yang aktif.
- 4 Bersesuaian dengan keadaan tempatan dan bertepatan dengan kehendak dan keperluan global.
- 5 Sesuai dengan keadaan semasa dan relevan
- 6 Terbuka untuk semua
- 7 Menarik, mencabar dan bermakna kepada ahli-ahli



PASUKAN PROGRAM NEGARA

Pesuruhjaya Program Negara adalah bertanggungjawab untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dinamakan sebagai **Pasukan Program Negara (PPN)** bagi memastikan pembangunan dan pelaksanaan Program Muda- Remaja pada peringkat kebangsaan dapat dijalankan seperti kehendak Dasar Program Muda- Remaja Negara dan Dasar Program Muda- Remaja Dunia.

VISI & MISI



Pasukan Program Negara beriltizam untuk membangunkan satu dasar pembangunan dan latihan yang menyeronokan lagi berterusan bagi memenuhi keperluan-keperluan ahli-ahli muda-remajanya. Ianya dilaksanakan melalui pengembelingan usaha-usaha yang berterusan dikalangan semua ahli-ahli yang terlibat.


Pasukan Program Negara berhasrat untuk melahirkan kelompok-kelompok ahli-ahli muda-remajanya yang mempunyai tanggungjawab kepada Tuhannya, Agamanya, Raja serta Pemerintahnya, Negeranya, Ibubapanya serta dirinya sendiri.



PERANAN

Umumnya, tugas utama Pasukan Program Negara adalah berperanan untuk memberi nasihat, memaju, merancang serta menjalankan pembangunan dan pelaksanaan Dasar Program Muda- Remaja Negara ke arah mencapai objektif misi dan visi Persekutuan Pengakap Malaysia.

KEANGGOTAAN PERINGKAT NEGARA



PESURUHJAYA PROGRAM NEGARA



Bertanggungjawab kepada

Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara

Peranan dan tanggungjawab


- Membentuk sebuah Dasar Program Muda Remaja pada peringkat Kebangsaan yang selaras dengan Dasar Program Muda Remaja Dunia
- Merancang dan menyelaraskan pada peringkat kebangsaan semua perkara yang berhubung dengan Program Muda Remaja didalam PPM
- Mewujudkan kesedaran dikalangan pemimpin-pemimpin pada semua peringkat tentang kandungan dan kepentingan Program Muda Remaja serta kandungannya.
- Membuat penilaian dan membangunkan Program Muda Remaja bagi tujuan menerima keperluan orang muda yang sentiasa berubah
- Menghasilkan bahan-bahan/buku-buku panduan untuk ahli muda-remaja serta pemimpin pada semua peringkat umur dan semua peringkat unit.
- Mempastikan penyampaian program pada semua peringkat dilaksanakan dengan baik
- Mengintegrasikan bidang-bidang yang lebih khusus seperti pendidikan persekitaran, penglibatan masyarakat, Pengakap keperluan khas ke dalam Program pengakap
- Merancang dan menyelaraskan pada peringkat kebangsaan perkara-perkara yang berkaitan Program Muda remaja.
- Sentiasa menilai dan seterusnya membangunkan Program Muda Remaja berasaskan kepada keperluan-keperluan golongan muda yang sentiasa berubah.
- Mempastikan program yang dilaksanakan adalah pada tahap memuaskan pada semua peringkat.
- Mengetuai Jawatankuasa Program Negara dan bertanggungjawab terhadap latihan dan kemajuan ahli-ahli jawatankuasanya.
- Menyatukan pergerakan melalui Program Muda Remaja serta bekerjasama dengan Pesuruhjaya Program Negara NSO lain dan WOSM.

Kelayakan

Seorang Pesuruhjaya Program Negara itu mestilah seorang yang:-

- Berpengetahuan bagaimana kanak-kanak dan remaja belajar, keperluan-keperluan dan inspirasi orang muda.
- Berkemahiran Kreatif.
- Berkemahiran dalam memotivasi, memantau dan mengurus sumber manusia/orang lain.
- Berkemampuan berkerja dalam harmoni dengan orang lain serta dapat mempengaruhi sesuatu keputusan.
- Mempunyai latar belakang kepengakapan yang kuat, serta berpengalaman/latihan dalam pembangunan program muda remaja.

AHLI PASUKAN PROGRAM NEGARA




PASUKAN PROGRAM NEGERI

Pasukan Program Negeri secara amnya adalah bertanggungjawab memastikan pembangunan dan pelaksanaan Program Muda - Remaja pada peringkat negeri dan daerah agar dijalankan selari dengan Dasar Program Muda - Remaja Negara.

Umumnya tugas seorang Pesuruhjaya Program Negeri adalah menasihat, memaju, merancang serta menjalankan pembangunan dan pelaksanaan Dasar Program Muda - Remaja Negara ke arah mencapai objektif misi dan visi Persekutuan Pengakap Malaysia.

KEANGGOTAAN PERINGKAT NEGERI



TUGAS & TANGGUNGJAWAB NEGERI



Tugas dan tanggungjawab Pesuruhjaya Program Negeri adalah sama seperti senarai tugas Pesuruhjaya Program Negara. Tugas dan tanggungjawab itu hendaklah disesuaikan dengan latar belakang negeri masing-masing.


Tugas utama Jawatankuasa Program Negeri adalah untuk membantu dan menyokong peranan dan fungsi Pesuruhjaya Program Negeri dalam melaksanakan tanggungjawabnya.

PASUKAN PROGRAM DAERAH

Pasukan Program Daerah secara amnya dari segi peranan dan fungsi adalah sama seperti mana peringkat negeri. Pasukan ini adalah tunjang kepada pergerakan Pengakap yang bertanggungjawab memastikan semua pelan pembangunan dilaksanakan di peringkat akar umbi. Ia berperanan dalam memberi nasihat, memaju, merancang serta menjalankan pembangunan dan pelaksanaan Dasar Program Muda - Remaja Negara ke arah mencapai objektif misi dan visi Persekutuan Pengakap Malaysia.



KEANGGOTAAN PERINGKAT DAERAH



PENGERUSI PASUKAN PROGRAM DAERAH



Kelayakan

Pengerusi Program Daerah hendaklah mempunyai kelayakan seperti kelayakan Pesuruhjaya Program Negara dan Pesuruhjaya Program Negeri di atas.

Tugas & Tanggungjawab

- Merancang dan menyelaraskan di peringkat daerah dalam semua aspek Program Muda- Remaja.
- Mewujudkan kesedaran dikalangan pemimpin daerah terhadap kepentingan Program-Remaja.
- Bekerjasama dengan Pengerusi Pasukan Latihan Daerah bagi memastikan Pasukan Latihan memenuhi keperluan Program Muda-Remaja.
- Sentiasa mengamati dan memajukan semua bahagian Program Muda-Remaja.
- Memastikan program disampaikan kepada tahap kualiti yang memuaskan di setiap unit tempatan daerah.
- Memimpin perjumpaan Pasukan Program Daerah dan mewakili mereka kepada peringkat yang terlebih tinggi.
- Meneguhkan perpaduan melalui Program Muda-Remaja dengan bekerjasama dengan Pesuruhjaya Program Daerah yang lain.
- Menjadi ahli yang aktif dalam Jawatankuasa Penerbitan Daerah
- Mewujudkan perhubungan yang berterusan dengan semua Penolong Pesuruhjaya Daerah dalam Program Muda-Remaja
- Melaporkan semua Program Muda-remaja kepada Jawatankuasa Kerja daerah



Mesyuarat

Pasukan Program Negara, Negeri dan Daerah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurang dua kali setahun.



Keahlian Jawatankuasa

Keahlian Jawatankuasa Program Negara, Jawatankuasa Program Negeri dan Jawatankuasa Program Daerah hendaklah juga dibuka kepada ahli pengakap yang berumur 20 hingga 30 tahun. Ini adalah sejajar dengan kehendak Dasar Penglibatan Muda Remaja Sedunia (*World Youth Involvement Policy*).



Dasar Program Muda-Remaja Negara

Dasar Program Negara merupakan sebuah dasar yang diasaskan bagi memenuhi tuntutan keperluan dan kepentingan golongan muda-remaja; yang menjadi teras dan prinsip utama keahlian dalam Persekutuan Pengakap Malaysia



PENGLIBATAN MUDA-REMAJA

World Youth Involvement Policy oleh WOSM terhasil selepas Persidangan Pengakap Sedunia di Slovenia pada tahun 2014. Salah satu perkara yang disarankan oleh dasar ini adalah supaya semua pertubuhan pergerakan pengakap di seluruh dunia membentuk dasar yang sedemikian berasaskan kepada latar belakang negara masing-masing dalam usaha mencapai visi dan misi kepengakapan. Persekutuan Pengakap Malaysia bersetuju dengan pandangan dan menyokong pelaksanaan dasar tersebut.

Pengenalan Kepada Dasar

Golongan muda adalah merupakan keahlian utama dalam pergerakan pengakap diperingkat nasional mahupun diseluruh dunia. Dengan itu sudah tiba masanya Persekutuan Pengakap Malaysia memberi tumpuan bagaimana untuk melibatkan orang muda/muda-remaja secara langsung dalam proses membuat keputusan di pelbagai peringkat pergerakan.

Selain itu, memberi peluang golongan muda supaya aktif dalam memberi pandangan dan terlibat secara langsung dalam apa juga aktiviti kepengakapan. Mereka hendaklah diberi peluang menjawat apa juga jawatan supaya mereka dapat terlibat dan bekerjasama dengan ahli dewasa dalam melaksanakan tugas yang sewajarnya. Sebagai sebuah pertubuhan yang menitikberatkan pendidikan kepada ahlinya keterlibatan orang muda mampu mengubah dunia kepada keadaan yang lebih baik.



TUJUAN DASAR



Dasar ini adalah garis panduan untuk mengukuhkan dan memastikan penglibatan muda-remaja di semua peringkat selaras dengan kehendak WOSM. Pada masa yang sama ia berfungsi sebagai rujukan kepada PPM dalam membangun dasar-dasar kepengakapan, terutamanya dalam aspek meningkatkan amalan penglibatan muda-remaja.

Pengakap adalah pergerakan orang muda yang disokong oleh orang dewasa, dan bukanlah untuk orang muda yang diuruskan oleh orang dewasa sahaja, dasar ini menekankan kepentingan mewujudkan persekitaran kerjasama, di mana kedua-dua golongan muda dan golongan dewasa berkongsi pengetahuan dan kemahiran secara sihat dan berkesan.

MAKSUD DASAR

Orang muda adalah ahli masyarakat yang berharga; mereka adalah warganegara yang aktif menyumbang kepada menyelesaikan cabaran yang masyarakat hadapi hari ini. Dengan isu-isu kontemporari menuntut kerjasama antara generasi untuk mencari penyelesaian, serta pentingnya melibatkan orang muda dalam proses membuat keputusan boleh dilihat kini lebih berbanding sebelum ini.



Penglibatan Muda-Remaja bukan sahaja menyediakan peluang dan ruang untuk anak-anak muda daripada pelbagai latar belakang untuk mempunyai suara dalam isu-isu yang memberi kesan kepada kehidupan mereka, tetapi juga kehidupan orang lain dalam komuniti mereka. Ia juga membina keupayaan yang membolehkan golongan muda untuk mendapat kemahiran dan pengetahuan yang mencukupi untuk mengukuhkan keyakinan diri dan belajar untuk menjadi individu yang bertanggungjawab dalam masyarakat mereka.

Akhir sekali, melibatkan orang muda dalam membuat keputusan akan mendorong mereka untuk menjadi warganegara yang aktif, dan menyedari tanggungjawab mereka sebagai individu terhadap masyarakat secara keseluruhan.





MENGAPA PERLU MELIBATKAN GOLONGAN MUDA?

1

Hak orang muda, relevan dan perspektif muda-remaja

Orang muda mempunyai hak untuk terlibat dan suara mereka didengar dalam membuat keputusan yang akan memberi kesan kepada mereka. Ini adalah salah satu daripada hak-hak asasi mereka. Dalam organisasi yang berfokuskan golongan muda, penglibatan mereka dalam membuat keputusan akan memastikan kewujudan mereka diberi peluang yang lebih baik. Selain daripada itu, mereka boleh memberi pandangan dari sudut yang berbeza daripada orang dewasa. Orang muda biasanya berfikir "di luar kotak" dan boleh menyumbang dengan idea-idea baru, segar dan kreatif.

2

Pembangunan Kemahiran yang berkaitan dan Sikap Positif untuk Muda-Remaja dan Dewasa

Penglibatan muda-remaja membolehkan golongan muda untuk membentuk aspirasi tinggi, mengukuhkan keupayaan mereka dan juga mengubah sikap mereka. Pembabitan mereka akan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah, keupayaan untuk berhujah secara kritikal dan melibatkan diri dalam dialog yang membina bersama golongan dewasa, serta mewujudkan persekitaran yang saling hormat menghormati. Selain itu, ianya membolehkan mereka untuk bertanggungjawab atas tindakan mereka serta mengukuh keyakinan dan keterbukaan diri sendiri. Penglibatan Muda-remaja membolehkan orang dewasa untuk melihat anak-anak muda sebagai rakan kongsi dalam komuniti mereka.

3

Memupuk Tanggungjawab dan Kelestarian

Dengan melibatkan golongan muda, ianya dapat memastikan terbentuknya rasa tanggungjawab sosial di kalangan mereka ke arah pembangunan berterusan. Melibatkan golongan muda dalam membuat keputusan pada usia yang muda juga membantu mereka memupuk kemahiran bersosial dan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu. Golongan muda mampu untuk memberi sumbangan besar kepada masyarakat jika dipandu dengan baik dan diberi sokongan serta peluang dari anggota masyarakat. Golongan muda dan golongan dewasa boleh bekerjasama ke arah mewujudkan kehidupan yang lebih baik untuk komuniti mereka.



4

Pendidikan Sepanjang Hayat

Melibatkan golongan muda dalam membuat keputusan adalah elemen utama dalam melaksanakan misi kepengakapan. Dengan sokongan golongan dewasa, persekitaran pembelajaran yang selesa dan selamat akan dapat diwujudkan. Dalam suasana ini, golongan muda boleh menjadi individu yang berdikari sepenuhnya dan memainkan peranan yang membina dalam masyarakat.



5

Membentuk karakter dan membangun kemahiran hidup

Sekiranya golongan muda terlibat dalam proses membuat keputusan, mereka akan dididik untuk bekerjasama untuk mencapai objektif secara bersama dan memberi perhatian kepada pendapat orang lain untuk mencapai kata sepakat. Mereka akan berkongsi kemahiran dan bekerja dalam pasukan untuk berkongsi kejayaan. Ini secara tidak langsung, akan membolehkan mereka membangunkan kemahiran hidup seperti kemahiran penyelesaian masalah secara kreatif, arif dan bijaksana

6

Pendidikan Sepanjang Hayat

Melibatkan golongan muda dalam membuat keputusan adalah elemen utama dalam melaksanakan misi kepengakapan. Dengan sokongan golongan dewasa, persekitaran pembelajaran yang selesa dan selamat akan dapat diwujudkan. Dalam suasana ini, golongan muda boleh menjadi individu yang berdikari sepenuhnya dan memainkan peranan yang membina dalam masyarakat.

7

Meningkatkan Demokrasi dan Dinamik Organisasi

Dalam pergerakan Pengakap, kebanyakan pemimpin adalah pemimpin muda yang merupakan pelaksana Program Muda-Remaja di peringkat akar umbi. Jika mereka tidak terlibat dalam proses demokrasi yang membolehkan mereka menyatakan pandangan mereka tentang keperluan orang muda atau perkara-perkara yang berhubung kait dengan Program Muda-Remaja, maka Kepengakapan akan menghadapi tiga bahaya seperti berikut:



Tanpa maklum balas dari mereka yang berkhidmat di peringkat akar umbi, pemimpin diperingkat kebangsaan sukar untuk merekabentuk dan membangunkan strategi yang tepat.

Jika dinafikan peluang untuk mereka menyatakan pandangan dan mereka tidak didengari, golongan muda ini akan kehilangan motivasi dan tidak mustahil mereka akan berhenti berpengakap. Apabila keadaan ini berlaku, kualiti program bakal merosot.

Kepengakapan pada masa kini menerapkan kaedah "Learning by doing". Jika golongan dewasa dalam pengakap menunggu untuk sehingga golongan muda ini menjadi seorang yang dewasa sebelum diberi peluang untuk bersuara, mungkin ianya sudah terlalu lewat untuk melihat golongan muda yang berkaliber dan matang dalam membuat keputusan kerana mereka tidak diberi pendedahan dan tanggungjawab tersebut dengan lebih awal. Lama-kelamaan, pengakap akan ketandusan bakat muda untuk meneruskan legasi kepimpinan.



8

Meningkatkan Dialog Antara generasi

Misi Kepengakapan akan tercapai apabila terdapat perkongsian yang sihat antara golongan muda dan golongan dewasa. Kedua-dua pihak akhirnya akan memperoleh keuntungan dan masing-masing mempunyai peluang untuk berkongsi pendapat. Dalam Kepengakapan era baharu ini, pemimpin dewasa mempunyai peranan untuk melibatkan diri dalam dialog yang membina dan berkolaborasi dengan golongan muda.

Penglibatan kedua-dua golongan muda dan dewasa dalam dialog yang membina akan menyokong kearah terbentuknya kepercayaan kepada diri sendiri dan menyumbang secara dinamik kepada pembentukan organisasi yang demokrasi.



CABARAN PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA



1

Salah tadbir urus: Tidak memberi keutamaan atau perhatian untuk melibatkan golongan muda. Akibat dari salah tadbir urus menyebabkan sumber dan potensi mereka tidak diterokai sepenuhnya.

2

Model penglibatan golongan muda yang tidak tepat: Jika struktur pengurusan tidak menggunakan model yang sesuai dengan konteks keperluan orang-orang muda, pegerakan akan menghadapi risiko kehilangan sumbangan golongan muda yang boleh memberi kesan ke atas kejayaan Persekutuan Pengakap Malaysia

3

Kekurangan maklumat mengenai penglibatan golongan muda dalam membuat keputusan: Kurangnya komunikasi yang jelas akan melumpuhkan/menjejaskan golongan muda untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses membuat keputusan.

4

Pengurusan sumber dewasa yang lemah: Kekerapan pertukaran atau silih berganti kakitangan dan sukarelawan akan menjadi halangan utama kepada proses kesinambungan untuk golongan muda yang mahu terlibat dalam aktiviti kepengakapan.

5

Kekurangan kemahiran, latihan dan sumber dalam organisasi: Kekurangan kemahiran dan latihan yang mencukupi sering membawa kepada pengasingan orang muda daripada proses membuat keputusan. Kita seringkali gagal untuk menetapkan masa atau sumber untuk melatih golongan muda untuk menyumbang secara berkesan.

6

Kekurangan masa dan wang di kalangan golongan muda: Sebahagian besar golongan muda menghabiskan banyak masa di sekolah dan pekerjaan. Ini menghalang mereka terlibat dalam program kerana mereka tidak dapat menumpukan perhatian dan tenaga mereka sepenuhnya. Kekurangan sumber kewangan juga sering menjadi penghalang utama untuk melaksanakan atau memulakan sebarang aktiviti.

7

Siling kaca: Masih ramai pesuruhjaya yang mengehadkan penglibatan golongan muda hanya sehingga tahap tertentu dalam struktur organisasi. Keadaan ini menghalang mereka dari menyumbang sepenuhnya dan mengakibatkan kurang berasa bertanggungjawab untuk kejayaan organisasi secara keseluruhannya.



Peringkat UNIT

Sistem patrol sistem ini adalah alat utama untuk melibatkan golongan muda dalam membuat keputusan di seluruh pembahagian peringkat umur (dengan pendekatan yang berbeza) di peringkat unit masing-masing. Sistem patrol adalah satu sistem yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan sebaik mungkin di semua peringkat bahagian umur supaya penglibatan muda-remaja dapat diperkasakan.

Pengalaman kepimpinan dalam kepengakapan membolehkan semua anggota melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai pemimpin pada tempat dan pada masa tertentu. Peranan kepimpinan perlu ditukar ganti di kalangan ahli-ahli pasukan untuk membolehkan semuanya merasai tanggungjawab yang berbeza dan mendapat keyakinan serta kepercayaan orang lain.

Cara Melibatkan Golongan Muda

Penglibatan orang muda dalam membuat keputusan di peringkat institusi adalah bermaksud **mengiktiraf perbezaan kemahiran & keupayaan** serta saling menghargai sumbangan di antara golongan muda dan dewasa. Bagi mewujudkan perkongsian dalam menjalankan tugas, kedua-dua pihak hendaklah saling menghormati kepakaran yang dipunyai oleh satu sama lain.

Pasukan Program (Negara, Negeri dan Daerah) mempunyai ahli yang berpengalaman yang turut **melibatkan golongan muda berusia di bawah umur 30 tahun**. Wakil golongan muda diberi hak untuk mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan.

Maklumat mengenai peluang penglibatan dalam membuat keputusan dan maklumat mengenai keputusan yang dibuat **perlu dimaklum dan dikomunikasikan kepada golongan muda**.

Menyediakan **kaedah untuk menyokong pembelajaran peribadi golongan muda** yang terlibat dalam membuat keputusan di semua peringkat. Program latihan untuk golongan dewasa perlu dibangunkan dan dilaksanakan untuk menyokong penglibatan muda-remaja di semua peringkat ini.

Bahan-bahan rujukan perlu dibangunkan dan disediakan untuk menyokong pemerksaan/ pengupayaan muda-remaja melalui pembaharuan Program Muda-Remaja dan latihan orang dewasa.

Peringkat
INSTITUSI

Peringkat INSTITUSI

PPM harus mempunyai satu **sistem untuk menilai kepuasan ahli muda-remaja** terhadap Program Muda-Remaja yang ditawarkan. Dilihat dari sudut pelaksanaannya dan tahap penglibatan muda-remaja dalam membuat keputusan dalam organisasi. Keputusan penilaian itu perlu diterjemahkan ke dalam pelan tindakan yang kemudiannya dilaksanakan.

PPM perlu **bersedia untuk menyediakan sumber kewangan dan lain-lain keperluan** untuk menyokong polisi dan prosedur yang berkaitan dengan penglibatan ahli-ahli muda dalam membuat keputusan.

Pelan perancangan strategik haruslah **melibatkan penyertaan muda-remaja di semua peringkat**. Ini membolehkan ahli muda-remaja terbabit secara langsung dalam proses pembangunan dan pelaksanaan rancangan organisasi.

Cara Melibatkan Golongan Muda



11 KAEDAH UNTUK MELIBATKAN GOLONGAN MUDA



PPM boleh menggunakan kaedah-kaedah berikut yang boleh meningkatkan kemungkinan untuk golongan muda menyumbang kepada perkembangan positif komuniti mereka seperti:

FORUM MUDA-REMAJA



adalah alat pendidikan yang menyokong proses membangunkan penglibatan belia dalam perkongsian dengan orang dewasa.

SISTEM KUOTA



adalah satu dasar yang mengadakan jumlah bilangan golongan muda dalam sesuatu jawatankuasa utama dalam PPM.

SISTEM MENTOR



adalah hubungan erat bersifat peribadi diantara golongan berpengalaman yang membimbing golongan yang kurang berpengalaman.

KEJURULATIHAN



bermaksud golongan yang berpengalaman dan kepakaran yang luas akan menawarkan nasihat dan bimbingan kepada golongan yang kurang berpengalaman.

HAD SYARAT PERKHIDMATAN



menetapkan peraturan atau undang-undang mengenai bilangan dan had tempoh seseorang individu boleh memegang sesuatu jawatan.

MEMBERI HAK MENGUNDI



Golongan atau ahli-ahli yang muda diberi hak untuk mengundi dan bersuara dalam membuat keputusan yang penting.

MODEL PENDIDIKAN RAKAN SEBAYA



menekankan pembangunan kemahiran anak-anak muda melalui bantuan rakan-rakan sebaya yang berjaya dalam bidang masing-masing.

JARINGAN KENALAN



adalah model kerjasama jangka panjang di kalangan anak-anak muda pada peringkat yang tertentu (tempatan, wilayah, negara, antarabangsa)

SUKARELAWAN KOMUNITI



merujuk kepada kerja sukarelawan untuk meningkatkan kerjasama dengan masyarakat dalam kawasan di mana mereka tinggal.

LATIHAN SAMBIL BEKERJA (INTERN)



sebarang program formal yang menyediakan pengalaman praktikal kepada golongan muda dalam sesuatu tugas atau jawatan.

KOLABORASI BERSAMA NGO LAIN



dalam program atau aktiviti dilakukan bersama yang membolehkan ahli-ahli dari pelbagai organisasi yang menjadi rakan rakan kongsi



KESIMPULAN

Dasar ini bertujuan memberi garis panduan kepada PPM untuk memastikan keahlian pengakap yang terdiri dari golongan muda agar dapat terlibat dalam proses membuat keputusan pada semua peringkat PPM. Diharapkan dasar ini dapat mengupaya dan memperkasakan penglibatan golongan muda kearah kejayaan PPM di masa hadapan. Sebagai sebuah dasar, dokumen ini hendaklah sentiasa disemak agar relevan mengikut perkembangan masa dan keperluan.